

**PERANAN DAN CABARAN ULAMA DALAM INSTITUSI
ISLAM NUSANTARA
PENDIDIKAN: PERSATUAN PERUBATAN, PENGUBATAN
DAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (DARUS SYIFA’)**

Amirul Haikal bin Rahim¹
Diploma Tahfiz dan Al-Quran Al-Qiraat
Jabatan Tahfiz dan Al-Quran Al-Qiraat
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Amirulhaikal1992@yahoo.com

Ahmad Zafran bin Shahrul Azhar²
Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Potensi Insan, Jabatan Pengurusan Sumber
Potensi Insan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
ahmadzafran3980@yahoo.com

Abstrak

Sistem pendidikan perlu diketahui bagi menyedarkan masyarakat betapa pentingnya sistem pendidikan terutama pendidikan Islam bagi membentuk sebuah negara yang maju tanpa mengeneipkan nilai keinsanan. Kemosototan ketamadunan sesebuah negara itu lenyap apabila pendidikan mereka tidak mengutamakan nilai kerohanian dan akhlak. Pendidikan di Malaysia meletakkan falsafah pendidikan Islam sebagai teras kepada sistem pendidikan di Malaysia. Objektif kertas kerja ini adalah untuk meninjau perkembangan satu sistem pendidikan yang boleh membangunkan modal insan berteraskan sistem pendidikan Islam. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan yang mana pencarian maklumat adalah melalui dokumen-dokumen bertulis dan bercetak seterusnya dianalisis. Kajian ini mendapati bahawa sistem pendidikan di Malaysia mengalami beberapa transformasi bagi mengisi kelompangan yang perlu kepada penambahbaikan bagi memenuhi keperluan masyarakat dan juga negara yang berhasrat melahirkan rakyat Malaysia yang berteraskan kepada pembangunan modal insan.

Kata Kunci : Pendidikan Satu Cabang Pembangunan Modal Insan

¹ Amirul Haikal bin Rahim ialah sorang pelajar Diploma Tahfiz dan Al-Qiraat, Semester 6, Jabatan Tahfiz dan Al-Qiraat.

² Ahmad Zafran bin Shahrul Azhar ialah seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Potensi Insan, Semester 6, Jabatan Pengurusan Sumber Insan. Beliau merupakan bekas pelajar KUIS Diploma Keusahawan.

Pengenalan

Islam adalah agama yang cukup sempurna dalam segala aspek sama ada dalam ibadah, sahsiah, ekonomi, perundangan, politik dan juga pendidikan. Islam menuntut umatnya melaksanakan segala apa yang diperintahkan oleh Allah S.W.T dan meninggalkan segala larangannya. Namun kesempurnaan Islam bukan sahaja terletak kepada amalan semata-mata malahan ianya memerlukan kepada kesedaran dan penghayatan kepada kehidupan beragama. Kedudukan dan kepentingan pendidikan ini amat jelas apabila Allah S.W.T menurunkan ayat al-Quran yang pertama ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Ianya tidak dimulai dengan perintah yang berhubung dengan perkara lain seperti ibadat, tetapi sebaliknya ia dimulai dengan perintah yang berhubung dengan soal pendidikan Firman Allah S.W.T:

Maksudnya:

Bacalah (Wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang mencipta (sekalian makhluk), Ia mencipta manusia dari sebuku darah beku, bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan.

Kertas kerja ini ditulis sebagai panduan penjelasan awal kepentingan peranan Ulama itu sendiri dalam apa jua bentuk keadaan bagi mengawal pergerakan manusia supaya tidak bercanggah dengan syariat yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. Apabila seseorang itu hanyut dengan kehairahan dunia yang begitu mengasyikkan, lebih-lebih lagi dengan adanya ransangan dan tipu daya iblis dan syaitan akhirnya terjebak dengan kemungkar dan kejahatan. Setiap orang perlu memahami dan meyakini bahawa peranan Ulama menjadi tunjang utama dalam kehidupan selaku mentafsir setiap kalam Allah s.w.t. sehingga lahirnya perasaan cinta akan sayang terhadap usaha dakwah yang dibawa Nabi Junjungan Muhammad s.a.w. Tidak ada siapa yang boleh menafikan kenyataan bahawa dalam era globalisasi, fungsi Ulama semakin luas dan mencabar. Masyarakat kini suka bertanya dan bukan sekadar menjadi pemerhati dan pendengar sahaja.³

Firman Allah S.W.T ;

Yang bermaksud ;

*“Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang rasul dari kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaan kamu, sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang mukmin”.*⁴

Itulah sifat Rasulullah s.a.w. terhadap umatnya yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. di dalam Al-Qurannul Karim. Bukan sahaja Rasulullah s.a.w. itu memikul tanggungjawab yang berat bagi menghadapi ujian yang banyak. Rasulullah s.a.w. menanggung bebanan yang tidak sanggup dipikul oleh manusia lain kerana menyampaikan kebaikan itu bukanlah semudahnya yang difahami bahkan bagi mereka yang turut serta dalam usaha dakwah itu akan datang padanya kefahaman bahawa jalan ke Syurga itu wajiblah melalui kesusahannya. Pada hari ini yang telah mewarisi urusan para Anbiya' adalah Ulama. Ini kerana para Anbiya' tidak meninggalkan warisan harta kepada mereka ataupun jawatan yang ditawarkan pada zaman mereka sendiri tetapi telah warisnya keilmuan yang ada kepada Ulama untuk dibawa pada setiap zaman sehingga berlakunya hari kiamat.

³ Tuan Guru Dato' Dr Haron Din. Artikel akhbar Mingguan Malaysia. Ahad 25 Oktober 1998.

⁴Rujukan Al-Quranul Karim. Surah At-Taubah ayat 128.

Ulama bukanlah satu perkataan ataupun sebutan yang asing lagi pada hari ini, kerana manusia pada hari ini mengakui kredibiliti keilmuan pada seorang Ulama itu haruslah dimanfaatkan dalam membangunkan manusia. Sesungguhnya terlalu banyak Ulama Islam yang telah lahir pada zaman dahulu yang ahlinya pelbagai lapangan pengetahuan dimana manusia terhutang budi kepada mereka kerana usaha mereka yang gigih di bidang masing-masing.

Sesungguhnya mesti ada Ulama atau intelektual dalam pelbagai bidang di dalam kalangan umat Islam, dengan syarat mereka itu beriman kepada apa-apa yang wajib diimankan seperti Rukun Iman, mereka itu taat kepada Allah s.w.t dan mengambil tauladan dari perjuangan para Nabi-nabi, baikpun kerja-kerja menyeru kepada Allah, mahupun urusan lain yang melibatkan manusia di bumi ini.⁵

Objektif Pemilihan Persatuan Perubatan, Pengubatan & Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa')

Ini sebagai memulakan langkah kanan dalam mengembalikan semula zaman kegemilangan rawatan Islam yang berlaku sejak zaman kemuncak ilmuan Islam pada zaman Ibnu Sina dan juga tokoh Sallehudin al-Ayubi. Kini ilmu rawatan Islam itu telah lenyap di telan zaman sehingga pada hari ini rawatan Islam sekadar dijadikan sebagai rawatan alternatif⁶ iaitu satu pilihan di antara dua kemungkinan. Sedangkan rawatan Islam ini bersifat *complementary*⁷; melengkapkan diantara satu dan yang lain. Ramai yang masih tidak mengenali Tuan Guru Dato' Dr Haron Din (TGHD) secara terperinci dalam menggerakkan Darussyifa' sebagai tapak asas yang kukuh bagi menerangkan perjalanan ilmu perubatan Islam ini. Peranan utama beliau menjadikan tapak asas Darussyifa' digerakkan adalah bertujuan menolak sebarang unsur amalan syirik⁸ yang semakin berleluasa.

TGHD juga mengerakkan Darussyifa' bagi membantu masyarakat sama ada Muslim dan *Non-Muslim*⁹ dalam apa jua jenis penyakit dan menyatakan bahawa kita adalah perawat dan bukan penyembuh. Istilah ini perlu difahamkan kepada seluruh masyarakat bahawa manusia tidak ada kuasa menyembuhkan bahkan kita di ajar untuk berikhtiar dalam mencari kesembuhan kerana kesembuhan itu bersifat mutlak oleh Allah s.w.t. Oleh itu, apa yang menjadi keistimewaan TGHD adalah, segala urusan rawatan tanpa ada sebarang bayaran¹⁰ sepanjang rawatan dijalankan dan itu sudah menjadi suatu ketetapan. Tidak syak lagi masyarakat Islam secara umumnya mempercayai apa yang

⁵Al-Fadhil Ustaz Amaluddin Darus. Manusia di langit dan manusia di bumi. hlmn 161. Cetakan Kedua tahun 1979. Penerbit Pustaka Abad.

⁶ Haji Zainal Abidin Safarwan. Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan. hlmn 43. Pemenang Anugerah Kebangsaan 1996. Cetakan Pertama 1995. Utusan Publication and Distribution Sdn Bhd.

⁷ Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu. Hlmn 232. Cetakan Kedua Belas 1997. Dewan Bahasa dan Pustaka 1979.

⁸ <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/agama/7578-akta-sihir-wajar-mencakupi-sivil-dan-syariah.html>

⁹ Jenis Pesakit ; Cina, India dan luar negara. Rujuk Buku Rekod Rawatan Pesakit Darussyifa' Bandar Baru Bangi 2014 dan 2015.

¹⁰ Jualan Koperasi Darussyifa' Bangi. Bayaran dikecualikan dari segi pembelian air minuman, jualan ubatan herba ; Madu, Habbbatus Sauda, dll.

dibawa oleh para ulama. Bahkan ada di antara mereka menjadi pengikut yang fanatik kepada sesetengah ulama itu sehingga mempercayai membuta tuli apa sahaja yang dibawa oleh ulama berkenaan. Tidak kurang pula ada di kalangan anggota masyarakat Islam yang membenci ulama yang tidak sealiran dengan ulama dokongan mereka kerana itu adalah lumrah kehidupan.

Oleh itu timbullah label-label ulama akhirat dan *ulama su'*, *ulama 'amilin*, *ulama haraki*, *ulama ibadat* dan lain-lain. Perkara ini bukanlah sesuatu yang pelik dalam sejarah Islam kerana sejak dari dahulu lagi terdapat pelbagai pertembungan dan pergeseran serta persaingan antara golongan agama ini. Namun begitu, umat Islam termasuk pemerintah secara umumnya menghormati ulama-ulama termasuk para Mufti yang menjadi tonggak atau lambang legitimasi kepada sesebuah pemerintah dan masyarakat Islam itu sendiri. Penghormatan yang diberikan adalah kerana keperibadian dan keilmuan seseorang alim atau Mufti. Dapat dikatakan keperibadian seseorang alim atau Mufti menjadi penentu kepada penghormatan yang akan diterimanya daripada masyarakat.

Oleh itu sifat-sifat peribadi seperti zuhud, tawaduk, amanah, taqwa dan seumpamanya adalah hiasan ulama atau Mufti berkenaan. Selain itu, ajaran Islam mewajibkan umatnya menghormati ulama kerana risalah Islam diwarisi kepada mereka sebagai *warasatul anbiya*, terlebih lagi al-Quran sendiri telah mengangkat darjat orang berilmu sekurang-kurangnya dalam empat ayat di dalam surah Mujadilah (11), Zumar (9), Nisa' (162) dan Fatir (28). Dan maksud berilmu di dalam ayat-ayat berkenaan ditafsirkan sebagai ilmu agama. Begitu juga terdapat banyak hadis-hadis yang memerintah supaya kita menghormati para ulama. Peranan ulama untuk membimbing masyarakat Islam secara fungsionalnya pada masa kini dimainkan oleh Mufti terutama yang dilantik oleh pemerintah atau yang diiktiraf oleh masyarakat.¹¹

Matlamat Pendidikan Dalam Islam

Sebagaimana yang diketahui umum, pendidikan merupakan tunjang kepada ketamadunan dan kemajuan sesebuah negara, namun dalam Islam kesepaduan ilmu dalam pendidikan amat penting untuk melahirkan generasi muslim yang seimbang untuk memenuhi keperluan dunia dan akhirat.

Oleh yang demikian pendidikan dalam Islam bukan sahaja memerlukan tahap seseorang itu boleh membaca, menulis, memahami, bahkan menghubungkan maklumat yang diperolehi sehingga memahami kedudukan mereka di dunia dan Pencipta. Maka, matlamat utama pendidikan Islam ialah untuk membina insan yang berilmu, berakhlak dan beketrampilan. Lantaran itu pendidikan di dalam Islam menuntut umatnya agar mengenal siapa Tuhannya, siapa dirinya dan ke mana halatuju kehidupannya¹². Manakala pendidikan bermaksud proses mengasuh, mendidik, membimbing dan mengajar manusia ke arah

¹¹ Kertas ini dibentangkan di Seminar Isu-isu Kefatwaan Kontemporari 2016: Fiqh Kontemporari Dalam Menepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia pada 10 Mac 2016 di Institute of Advanced Islamic Studies, Kuala Lumpur. Memperkukuhkan Kredibiliti Institusi Fatwa Dalam Menghadapi Cabaran Semasa Di Malaysia. Ahmad Hidayat Buang, PhD Universiti Malaya.

¹² Memperkasakan Jati Diri Melayu-Muslim Menerusi Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Akhlak (Strengthening Malay-Muslim Identity through Islamic Education and *Akhlak* Teaching) Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa dan Ahmad Munawar. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

pembentukan diri yang berintelekt (Hassan Langgung 1995) dan pembinaan akhlak yang baik.¹³

Oleh yang demikian matlamat pendidikan Islam adalah untuk melahirkan insan yang bertakwa kepada Allah s.w.t dan juga Rasul-Nya serta mengabdikan diri kepada-Nya. Justeru itu, pendidikan Islam dapat melahirkan insan yang kamil dan berakhlak mulia. Ini adalah kerana kemuliaan akhlak memberi impak yang besar dalam kehidupan seseorang di dunia dan di akhirat. Akhlak yang baik terpancar daripada kekuatan akidah dan penghayatan syariat. Malahan akhlak merupakan pelengkap kepada kehidupan manusia.²² Oleh itu al-Quran dan al-sunnah menjadi landasan untuk mencapai matlamat tersebut.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan berbunyi¹⁴

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan melahirkan warga Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

¹³International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century. Falsafah Pendidikan Jawi Dalam Memperkasakan Tamadun Islam Di Malaysia. Asyraf Ridwan Ali & Berhanundin Abdullah Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.

¹⁴ Islam Dalam Dasar Pendidikan Negara Di Malaysia. Saiyah Naharani @ Aloj & Iknor Azli Ibrahim.

Pengertian Ulama

Ulama berasal daripada perkataan **علم** bereti seorang alim. Manakala, **علماء** pula jama' (ج) bagi perkataan **علم**.¹⁵ Ulama ditakrifkan menguasai ilmu khususnya dalam bidang agama atau dikenali sebagai golongan intelektual memahami agama berdasarkan nas-nas sehingga melahirkan perasaan takut akan kekuasaan Allah s.w.t. Ulama juga satu kumpulan yang digelar sebagai golongan **مقربين** iaitu segolongan Ulama yang hubungannya pada Allah s.w.t terpelihara keakrabannya. Ulama dalam Islam dan sejarahnya adalah golongan yang mempunyai sahsiah tinggi dan tiada tandingannya. Mereka dihormati dan mempunyai wibawa tersendiri serta dijadikan pakar rujuk dalam banyak bidang khususnya berkaitan agama.¹⁶

Ulama adalah kunci pembuka jalan dalam kita memahami pentafsiran kisah didalam Al-Quran dan al-Hadith. Ulama adalah satu kumpulan yang tidak akan hilang ditelan zaman kerana ulama akan terus menjadi rujukan pada setiap zaman dalam membentuk generasi bagi membangunkan kehidupan modal insan itu sendiri. Kita selaku menyokong bahawa shahadah yang disebutkan itu bukanlah sekadar dilidah bahkan meyakini dengan hati dan melaksanakan dengan tangan agar tidak ada pemikiran lain selain daripada Islam sebelum merosakkan masyarakat. Jadikanlah ulama sebagai tempat rujukan kita dalam apa juga bentuk keadaan dan jadikanlah ulama sebagai teman dalam kehidupan kerana ulama yang akan mengingatkan kita ke alam yang baru iaitu alam akhirat¹⁷

Dakwah Melalui Pendidikan

Dakwah adalah seruan untuk mengajak supaya kembali mengamal dan menghayati ajaran Islam. Ia meliputi pelbagai aspek kehidupan dan melibatkan segenap lapisan sosial. Ini termasuklah dakwah yang disampaikan kepada golongan pesakit yang berada di ambang kematian agar mereka dapat mengakhiri kehidupan dengan baik dan mendapat *husn al-khatimah*. Di dalam bidang perubatan, konsep rawatan dan penjagaan bagi pesakit yang menghadapi penyakit kronik dan tiada harapan untuk sembuh dikenali sebagai penjagaan paliatif (*palliative care*) yang merupakan suatu bentuk khidmat penjagaan yang biasanya

¹⁵ Dr Abu Abdullah Hanafi Haji Dollah. Pensyarah Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan. Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA). Cetakan IIIUM Printing Sdn .Bhd. Terbitan Pustaka Ilmiah Al-Khalil. Edisi Semakan Terkini 2013. Kamus Kontektual Lengkap Al-Khalil قاموس الخليل عربي ملايوي.

¹⁶ Tuan Guru Dato' Dr Haron Din. Artikel akhbar Mingguan Malaysia. Ahad 25 Oktober 1998.

¹⁷ Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2015 (Pantumn 2015). Tuan Guru Dato' Dr Haron Din: Tokoh Ulama Kontemporari Dalam Bidang Perubatan Islam. Ahmad Zafran bin Shahrul Azhar ialah seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Potensi Insan, Semester 6, Jabatan Pengurusan Sumber Insan. Beliau merupakan bekas pelajar KUIS Diploma Keusahawan.

ditawarkan di pusat rawatan Islam¹⁸. Sungguhpun begitu, dapat diperhatikan bahawa dakwah kepada golongan pesakit di ambang kematian ini tidak mendapat perhatian yang sewajarnya.

Paliatif menurut definisi Kamus Dewan (2005) bermaksud rawatan dan ubat yang bertujuan untuk melegakan, mengurangkan atau meringankan sesuatu kesakitan, penyakit dan sebagainya, tetapi bukan untuk menyembuhkannya. Paliatif diambil daripada perkataan Inggeris *palliative*. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia WHO, penjagaan paliatif, yang mana dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-ri'ayah al-taltifiyyah* dan dalam bahasa Inggeris pula dipanggil *palliative care*, merupakan satu pendekatan bagi meningkatkan kualiti hidup pesakit dan keluarga mereka yang menghadapi masalah berkaitan dengan penyakit yang mengancam nyawa, yang melibatkan rawatan penyakit dan masalah-masalah lain seperti fizikal, psikososial dan rohani.

Mafhum hadith ini dapat dijelaskan melalui satu riwayat hadith yang lain:¹⁹

Bermaksud: Diriwayatkan daripada Anas RA, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: Apabila Allah menghendaki kebaikan bagi seorang hamba maka Dia akan menjadikan hamba tersebut beramal. Lalu ditanyakan kepada baginda: Bagaimana Allah menjadikan hamba tersebut beramal, wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Dia akan memberikan taufiq kepadanya untuk beramal salih sebelum mati.

Berdasarkan hadith tersebut, dakwah melalui pendidikan daripada bermulanya kehidupan manusia sehingga dipenghujung perlu disampaikan agar kesempatan terakhir dalam kehidupan seseorang itu dapat diisi dengan amalan-amalan salih, supaya individu tersebut menghembuskan nafasnya yang terakhir dalam keadaan Islam. Para anbiya' AS yang menggagas tugas menyampaikan dakwah sangat menekankan kepada umat manusia agar hidup dan mati mereka tetap sentiasa berada dalam keadaan Islam.

Firman Allah (al-Baqarah. 2: 132):

Maksudnya: Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya, dan (demikian juga) Nabi Ya'qub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: "Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam".

Mati dalam keadaan Islam bermakna sentiasa berpegang teguh dengan Islam dan jangan berpisah dengannya sehingga mati, berbaik sangka dengan Tuhan, berada dalam keadaan ikhlas, berserah dan beriman. Saya menjumpai satu bahan atas penulisan hamba Allah ini saya mendapati ada terdapat dua contoh dalam riwayat hadith yang menunjukkan dakwah Rasulullah SAW menyampaikan Islam kepada individu yang menghampiri saat kematian. Dua riwayat tersebut adalah seperti berikut:

¹⁸ Dakwah Dalam Dimensi Kerohanian Penjagaan Paliatif Menurut Pendekatan Badi' Al Zaman Sa'id Al-Nursi. Muhammad Rif'at Razman & Salasih Hanin Hamjah

¹⁹ (Al-Tirmidhi, Kitab Al-Qadar 'An Rasulillah SAW, Bab Ma Ja'a Anna Allah Kataba Kitaban Li Ahli Al-Jannah Wa Ahli Al-Nar, No: 2143).

1. **Mad'u** yang merupakan seorang pemuda Yahudi menerima dakwah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW lalu meninggal dunia dalam keadaan memeluk agama Islam:

أَنَّ غَلامًا من اليهود كان مرض فأتاه النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ م يعوده فقعد عند رأسه فقال له أَسَلِمَ
فَنظر إلى أبيه وهو عند رأسه فقال له أبوه أَطِغْ أبا القاسم م فأسلم م فقام النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ م وهو
يقول الحمد لله الذي أنقذ ذبي من النار

Maksudnya: Ada seorang anak muda Yahudi yang selalu berkhidmat kepada Nabi SAW, kemudian dia jatuh sakit, maka Nabi SAW pergi menjenguknya lalu baginda duduk di sisi kepalanya seraya berkata "Masuklah Islam". Anak muda itu memandang ayahnya yang berada di sisinya, lalu ayahnya pun berkata "Taatilah Abu al-Qasim", maka masuk Islamlah anak muda tersebut. Apabila Nabi SAW keluar baginda lantas berkata "Segala puji bagi Allah yang telah menyelamatkannya dari api neraka."²⁰

2. Kisah dakwah Rasulullah SAW kepada bapa saudara baginda, Abu Talib namun akhirnya Abu Talib memilih untuk mengakhiri kehidupannya dalam keadaan bukan Islam:²¹

ف و ج د عن ده أبا جهل وعب د الله ب ن أبي أمية ب ن المغيرة، فقال (أبي عم، قل لا إله إلا الله، كلمة أ حاج
ل ك بها عن د الله.) فقال أبو جهل وعبد الله بن أبي أمية : أت زغ ب عن ملّة عبد المطلب، فلم يزل رسول
الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ م يعرضُها عليه، ويُعي دانه بتلك المقالة، حتى قال أبو طالب آخ ر ما كلّ منهم : على
ملّة عبد المطلب، وأبى أن يقول : لا إله إلا الله، قال : قال رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ م : والله
لأست غف ربّ ل ك ما لم أنه عن ك.

Maksudnya: Daripada Sa'id bin al-Musayyab, daripada ayahnya, beliau berkata: Apabila Abu Talib hampir wafat, Rasulullah SAW mendatanginya lalu mendapati di sisinya ada Abu Jahal dan Abd Allah bin Abi Umayyah bin al-Mughirah. Baginda berkata: Wahai bapa saudara, katakan bahawa tiada tuhan (yang layak disembah) melainkan Allah, suatu kalimah yang saya akan berhujah dengannya di sisi Allah. Maka Abu Jahal dan Abd Allah bin Abi Umayyah pun berkata "Adakah kamu benci dengan agama Abd al-Muṭallib?". Rasulullah SAW tidak berhenti-henti menawarkan kepadanya dan mengulang-ulang perkataan tersebut, sehingga Abu Talib pada akhir ucapannya berkata "Di atas agama Abd al-Muṭallib" dan enggan untuk menyebut "Tiada tuhan (yang layak disembah) melainkan Allah". Rasulullah SAW berkata "Demi Allah, saya akan meminta ampun untukmu selagimana saya tidak ditegah daripadamu". Lalu Allah menurunkan ayat 113 surah al-Tawbah (9) yang bermaksud: Tidaklah dibenarkan bagi Nabi dan orang-orang yang beriman, meminta ampun bagi orang-orang musyrik, sekalipun orang itu kaum kerabat sendiri, sesudah nyata bagi mereka bahawa orang-orang musyrik itu adalah ahli neraka.

²⁰ (Hadith Riwayat Al-Bukhari, Kitab Al-Janaiz , Bab Idha Aslama Al-Ṣabiy Famata Hal Yuṣalla 'Alaihi Wa Hal Yu'raḍu 'Ala Al-Ṣabiy Al-Islam, No: 1356).

²¹ (al – Qasas:28: 56). (Al-Bukhari, kitab al-tafsir, bab innaka la tahdi man aḥbabta walakimma Allahu yahdi man yasya', no: 1360)

Berkenaan Abu Talib, Allah turunkan satu ayat yang ditujukan kepada Rasulullah SAW yang bermaksud: "Sesungguhnya engkau (Wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi (supaya ia menerima Islam), tetapi Allah jualah yang berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya)".

Cabaran Memberi Penekanan Dalam Institusi Darussyifa' Malaysia

Pertama (*Penekanan dalam aspek akidah*)

diberikan supaya pesakit sentiasa mengingati Allah SWT dan berbaik sangka dengan ketentuan-Nya. Oleh sebab itu al-Nursi menegaskan bahawa pesakit tidak mempunyai hak untuk merungut, mengadu atau mengeluh kerana perbuatan seperti ini seolah-olah mengkritik dan *Uluhiyyah* Allah SWT Pesakit diingatkan bahawa jasad bahkan seluruh dirinya bukan miliknya tetapi milik mutlak Allah SWT yang Maha Berkuasa untuk melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya bagi menunjukkan keagungan sifat-sifatNya dan keindahan nama-nama-Nya (*al-asma' al-husna*). Justeru pesakit seharusnya mengenali Penciptanya supaya dapat memperkuat hubungan dan keimanan terhadap ketentuan Tuhannya.

Kedua (*Memberi persepsi positif terhadap kematian*)

Terdapat pelbagai persepsi mengenai kematian. Kubler-Ross mendefinisikan kematian sebagai sebahagian daripada norma kehidupan, perkara semula jadi dan dapat dijangka sebagaimana kelahiran. Bezanya, kelahiran biasanya disambut dengan kegembiraan manakala kematian pula ditakuti dan menjadi topik yang tidak digemari untuk diperbahaskan (Shazli&Ponnusamy. 2010). Al-Nursi melihat perasaan negatif dalam diri pesakit timbul disebabkan oleh perasaan takut kepada kematian. Pesakit dipesan supaya beriman dengan takdir Allah SWT yang telah menetapkan ajal bagi setiap yang bernyawa. Al-Nursi menggunakan uslub *targhīb* untuk mengubah persepsi negatif terhadap kematian supaya timbul perasaan *al-raja'* (harap) dan *husn al-zan*

Riwayat hadith Rasulullah SAW:²²

فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: الشهداء سبعة سوى القتل في سبيل الله: المبطون شهيد والغريق شهيد وصاحب ذات الجنب شهيد والمبطون شهيد والحريق شهيد والذي يموت تحت الهدم شهيد والمرأة تموت بجمع شهيد

Maksudnya: Golongan yang mati syahid ada tujuh golongan selain daripada orang yang mati berjuang di jalan Allah, orang mati kerana wabak penyakit adalah syahid, orang mati lemas adalah syahid, orang yang mati kerana radang adalah syahid, orang yang mati disebabkan penyakit di dalam perut adalah syahid, orang yang mati terbakar adalah

²² . (Abu Daud, kitab *al-jana'iz*, bab *fī fadl man mata bi al-ta'un*, no:3111)

syahid, orang yang mati ditimpa runtuh adalah syahid, wanita yang mati dalam keadaan hamil adalah syahid.

Ketiga (*Memperbanyak amalan salih*)

Dari sudut tanggungjawab melaksanakan kefardhuhan, seseorang pesakit itu dituntut untuk terus melaksanakan amalan fardhu mengikut kadar kemampuannya. Al-Nursi (2007) berpesan kepada pesakit supaya tetap melakukan ketaatan kepada agama dengan menunaikan amalan-amalan fardhu dengan perasaan sabar dan tawakal. Sakit menjadi tempoh waktu doa yang mustajab. Al-Nursi (2007) menyarankan supaya pesakit memperbanyakkan berdoa dan meminta supaya pesakit mendoakan untuk orang lain kerana ada terdapat riwayat yang menyatakan kelebihan doa seorang pesakit iaitu:

قال لي النبي صلى الله عليه وسلم: إذا دخلت على مريضٍ، فمُرهُ أن يدعوك؛ فإنَّ دعاءَهُ كدُعائِ الملائكةِ

Maksudnya: Daripada Umar bin al-Khattabb RA, beliau berkata bahawa Nabi SAW bersabda: Apabila kamu masuk untuk menziarahi pesakit maka mintalah kepadanya supaya dia mendoakan untukmu, kerana sesungguhnya doanya seperti doa para malaikat.

Penutup

Pendidikan Islam ialah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian mulia dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membantu diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat. Pemahaman terhadap isu-isu agama yang berlaku dalam kehidupan umat Islam perlu ditangani berasaskan kaedah ilmu. Jika berlaku perselisihan, maka jalan penyelesaiannya ialah kembali kepada dalil dan ini adalah metodologi umat Islam dalam hidup beragama. Perinsip ini perlu dipegang kukuh dan diaplikasikan didalam semua masalah dan isu yang dihadapi. Jika tidak, sampai bila pun masalah itu tidak akan selesai, malah percanggahan demi percanggahan akan terus berlaku.

Imam al-Shawkani berkata:

“sesiapa yang dalil al-Quran dan al-Sunnah bersama dengannya maka dia diatas kebenaran dan dia lebih utama dengan kebenaran dan siapa yang dalil al-Quran dan al-Sunnah menyelisihinya, bukan bersamanya, maka dia orang yang salah.”

Bertitik tolak daripada sistem pondok, pendidikan Islam diperkemas lagi melalui sistem institusi atau sekolah agama yang jauh lebih baik dari segi infrastruktur berbanding dengan sekolah pondok. Oleh itu, sejarah perkembangan pendidikan di Malaysia dipenuhi dengan perjuangan Ulama Islam yang berpanjangan dalam usaha memajukan masyarakat Islam di Malaysia. Kesedaran umat Islam dalam pendidikan Islam sewaktu kedatangan penjajah mengakibatkan wujudnya beberapa dasar pendidikan untuk memajukan pendidikan terutama pendidikan Islam.

Rujukan

1997. Dewan Bahasa dan Pustaka 1979.1998.Cetakan Kedua tahun 1979. Penerbit Pustaka Abad.
- Darussyifa' Bandar Baru Bangi 2014 dan 2015.minuman, jualan ubatan herba ; Madu, Habbatus Sauda, dll.
- (al – Qasas.28: 56).ﷻ(Al-Bukhari, kitab al-tafsir, bab *innaka la tahdi man ahbabta walakinna Allahu yahdi man yasya'*, no: 1360)
- (Hadith Riwayat Al-Bukhari, Kitab Al-Janaiz , Bab Idha Aslama Al-Şabiy Famata Hal Abu Daud, *kitab al-jana'iz, bab fi fadl man mata bi al-ta'un*, no:3111)
- Al-Fadhil Ustadz Amaluddin Darus. Manusia di langit dan manusia di bumi. hlmn 161. Anugerah Kebangsaan 1996. Cetakan Pertama 1995. Utusan Publication and Distribution Sdn Bhd.
dan-syariah.html
- Haji Zainal Abidin Safarwan. Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan. hlmn 43. Pemenang <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/agama/7578-akta-sihir-wajar-mencakupi-sivil->
- Jenis Pesakit ; Cina, India dan luar negara. Rujuk Buku Rekod Rawatan Pesakit Jualan Koperasi Darussyifa' Bangi. Bayaran dikecualikan dari segi pembelian air
- Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu. Hlmn 232. Cetakan Kedua Belas
- Tuan Guru Dato' Dr Haron Din. Artikel akhbar Mingguan Malaysia. Ahad 25 Oktober
- Yuşalla 'Alaihi Wa Hal Yu'raðu 'Ala Al-Şabiy Al-Islam, No: 1356).